

Headline	Tanggung hingga dewasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	20	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm ²
Journalist	Fazurawati Che Lah	AdValue	RM 13,559
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,677



Tanggung hingga dewasa

■ BAKTI buka akaun TH untuk kegunaan Muhammad Firdaus dengan diselia JKM

Oleh Fazurawati Che Lah

Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) akan membuka akaun Tabung Haji (TH) kepada remaja kelainan upaya (OKU) Muhammad Firdaus Dullah, 15, untuk memudahkan urusan, keperluan dan perbelanjaan remaja malang berkenaan hingga dewasa.

Isteri Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua BAKTI Datin Seri Rosmah Mansor berkata, proses pembukaan akaun itu akan diuruskan Pengerusi TH Datuk Seri Abdul Azeez Rahim.

"Semua wang yang diterima Muhammad Firdaus akan dimasukkan ke dalam TH untuk kegunaannya sehingga dewasa.

"Bagaimanapun, buku itu akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang akan menguruskan semua perbelanjaan yang diperlukan remaja itu," katanya ketika ditemui pada Majlis Pembungkusan dan

Penyerahan Sumbangan Hari Raya di Bangunan BAKTI Tun Hasmah di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Yang Dipertua Puan Seri Noorainee

Abdul Rahman dan Ahli Kehormat BAKTI Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menurutnya, BAKTI juga akan melawat Muhammad Firdaus yang kini dirawat di Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS), Negeri Sembilan, Isnin ini.

Rosmah yang bersimpati dengan penderitaan Muhammad Firdaus turut melahirkan rasa sedih dan menasihatkan ibu bapa yang mempunyai anak OKU merujuk kepada JKM bagi mendapatkan bantuan sewajarnya.

Remaja malang itu mengalami masalah cerebral palsy (CP) ditemui dalam keadaan tubuhnya kurus kering, selain terkurung dalam bilik yang dipenuhi najis dan sampah

ketika operasi 6P bersepadu di Flat Taman Semarak Fasa 2, Nilai, Negeri Sembilan, awal pagi Sabtu lalu.

Muhammad Firdaus yang hanya mampu mengengsot dipercayai dibiarkan terkurung oleh ibunya sejak lebih setahun, malah baju dipakai juga reput akibat terlalu lama tidak ditukar.

Sementara itu, BAKTI menyediakan 49,300 bungkusan makanan Aidilfitri untuk diserahkan kepada pasukan keselamatan sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan terhadap anggota yang bertungkus-lumus menjaga keselamatan negara.

Bungkusan bernilai RM468,350 mengandungi empat jenis makanan tradisi terdiri daripada rendang daging, sambal ikan bilis, kuah kacang dan nasi himpit.

Rosmah berkata, 11,300 bungkusan dimasukkan ke dalam kotak dengan dibantu ahli BAKTI bersama anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Maritim serta pelajar institut penga-

jian tinggi swasta (IPTS).

Beliau berkata, pada tahun ini, BAKTI menerima sumbangan kurma 50,200 kotak daripada Biro Kebajikan UMNO Malaysia.

"Seperti tahun lalu, kami menjalankan tanggungjawab memberi sumbangan Aidilfitri kepada pasukan keselamatan negara untuk menyambut Ramadan dan Aidilfitri bagi menghargai jasa dan khidmat bakti mereka kepada negara," katanya.

Katanya, 20,000 kotak dihantar terus ke Kementerian Pertahanan pada 17 Jun lalu dan 18,000 lagi ke Bukit Aman kelmarin bagi memudahkan penghantaran kepada anggota yang berada di perbatasan dan luar negara.

"Manakala bungkusan pada hari ini (semalam) akan diserahkan pada 3 Julai nanti pada satu majlis rasmi," katanya.

FAKTA

BAKTI sedia 49,300 bungkusan Hari Raya untuk diserahkan kepada pasukan keselamatan

Headline	Tanggung hingga dewasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	20	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm ²
Journalist	Fazurawati Che Lah	AdValue	RM 13,559
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,677



ROSMAH dan Norainee meneliti bungkusan yang akan diagihkan sambil ditemani Abdul Azeez, manakala gambar kecil ialah Muhammad Firdaus.